



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 17 / 2020

SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N. 23 CHINI, PAHANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **Yang di-Pertua Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang, YB Datuk Seri Haji Ishak bin Haji Muhammad** pada **8 Mei 2020**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **DUN N.23 Chini, Pahang** berikutan kembalinya ke Rahmatullah penyandanginya **Allahyarham YB Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun** pada hari **Rabu, 6 Mei 2020**.
2. Berdasarkan **Perkara 26 Fasal (5) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang**, SPR akan mengadakan pilihan raya kecil (PRK) bagi kerusi DUN tersebut di dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan dipastikan oleh SPR.
3. Sehubungan dengan itu, SPR akan mengadakan **Mesyuarat Khas** pada **15 Mei 2020 (Jumaat), jam 9.00** pagi bertempat di Ibu Pejabat SPR, Menara SPR, Putrajaya. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **Pengerusi SPR, YBhg. Datuk Azhar Azizan Harun**, yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting (PRK) seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari

Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. **Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas mesyuarat tersebut.**

Sekian, terima kasih.

DATUK MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 9 Mei 2020 / 16 Ramadan 1441H